

Usim johan suntingan terbaik

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) mengungguli kategori Anugerah Industri Buku-Suntingan Terbaik pada Anugerah Buku Negara 2013 menerusi buku - *Diyat Dalam Perundangan Islam*.

Program dianjurkan Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) bersempena Ekspo Buku 1Malaysia yang diadakan di PWTC Kuala Lumpur, baru-baru ini bagi menghargai serta mengiktiraf sumbangan warga kerja di sebalik tabir industri perbukuan Malaysia. Mula diadakan sejak 2005 dan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu Anugerah Perdana dan Anugerah Industri Buku.

Buku tersebut adalah hasil penyelidikan di bawah geran FRGS yang diperuntukkan kepada penyelidik Usim yang diketuai Mohammad Najib Abdullah dan beberapa penulis lain seperti Hasnizam Hashim, Nabilah Yusof, Haliza A Shukor, Norman Zakiyy, Chow Jen T' Chiang dan Intan Nadia Ghulam Khan yang merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang Usim.

Buku ini menceritakan mengenai satu bentuk 'compensation' ataupun ganti rugi yang wajib dibayar kepada wali atau waris disebabkan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah kepada mangsanya. Hukuman diyat adalah hukuman kesalahan-kesalahan yang sehubungan dengan kesalahan qisas dan ia sebagai ganti rugi atas kesalahan-kesalahan yang melibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan anggota badan. Ia merupakan satu perkara yang masih lagi ada titik kosongnya dalam perundangan yang sedia ada kerana mangsa jenayah kini tidak mendapat pampasan sewajarnya seperti digariskan oleh syariat Islam.

Menurut Mohammad Najib, kajian ini dibuat bagi mengetahui bagaimana untuk mengaplikasikan atau melaksanakan sistem Islamic Compensation ini dalam rangka perundangan Malaysia.

"Harapan kami diyat ini dapat dilaksanakan, seterusnya Usim menjadi sumber rujukan dalam pelaksanaan hukum tersebut," katanya.